Utusan Borneo: 04 November 2026

Remaja OKU serang seksual adik kandung kena Perintah Khidmat Masyarakat 120 jam

MIRI: Seorang remaja Orang Kurang Upaya (OKU) dikenakan Perintah Khidmat Masyarakat selama 120 jam dalam tempoh enam bulan oleh Mahkamah Juvana kerana melakukan serangan seksual terhadap adik kandungnya.

Mahkamah turut memerintahkan remaja terbabit dibebas dengan bon berkelakuan baik, selain menghadiri bengkel anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan dibantu ibu bapanya.

Tertuduh, 17, didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTK) 2017 dan dihukum di bawah Seksyen 14 akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun serta boleh disebat.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh yang merupakan pemegang kad OKU (kurang upaya pembelajaran) didapati melakukan serangan seksual secara fizikal terhadap adik kandungnya yang berusia 10 tahun.

Manakala bagi tuduhan kedua, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 15(a) akta sama kerana melakukan serangan seksual bukan fizikal kepada mangsa.

Kesalahan itu memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 10 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Kedua-dua kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 2 petang, 30 April lalu di rumah keluarganya di sini.

Hasil siasatan lanjut polis mendapati perkara itu hanya diketahui ibu mangsa selepas mangsa menceritakan perbuatan tertuduh terhadapnya.

Tertuduh mengaku pernah menonton video lucah di laman sosial Facebook dan ingin mencuba perlakuan yang pernah ditontonnya dalam video itu.

Bagaimanapun, dia menghentikan perlakuannya itu selepas terdengar suara seseorang mencari ibunya di rumah.

Pendakwaan kes dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Farhan Mohd Pauzi di hadapan Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali, manakala tertuduh diwakili Peguam Persekutuan David Bakit Nuing dari Jabatan Bantuan Guaman.